



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB HANNAH YEOH
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**MAJLIS PERASMIAN TUITION MISSION
PUTRAJAYA 2026**

**22 APRIL 2026 (RABU)
3.30 PETANG**

**DEWAN SERI MELATI,
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

1. Saudara dan saudari, hari ini kita meraikan pelajar-pelajar cemerlang tetapi izinkan saya menarik perhatian kepada seorang pelajar yang hadir bersama kita pada hari ini.
2. Namanya **Aisy Wafiy bin Azwan Ezli**, pelajar dari **Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 5(1)**.
3. Ini bukan sekadar kebetulan tetapi inilah adalah kisah sebuah **keluarga Putrajaya** yang kita semua boleh banggakan.
4. Beberapa bulan sebelum SPM selepas peperiksaan percubaan, **Aisy Wafiy** terlibat dalam satu **kemalangan** serius.
5. Beliau mengalami pendarahan di bahagian belakang otak, patah tulang rusuk dan retak tengkorak. Tempoh pemulihan mengambil masa **enam bulan**.
6. Bayangkan, ketika rakan-rakan lain sedang membuat persiapan akhir untuk SPM, beliau sedang berjuang untuk sembuh.
7. Sejujurnya, bila saya membaca kisah ini, saya sendiri terdiam seketika.
8. Sekolah telah memohon agar beliau diberikan kelebihan masa semasa peperiksaan dan ia diluluskan.

9. Tetapi hakikatnya, masa tambahan itu bukan penentu utama. Yang menentukan adalah ketabahan beliau sendiri.
10. **Aisy Wafiy** akhirnya menduduki **SPM**. Keputusannya - **3A, 5B** dan **1C**. Mungkin di atas kertas, ini bukan keputusan straight A.
11. Tetapi bagi saya, ini adalah keputusan seorang pejuang.

(moment interaksi – sangat penting)

Aisy Wafiy, kalau boleh... boleh berdiri sebentar?

(tunggu crowd react / tepukan)...Terima kasih.

12. Saudara dan saudari, Inilah maksud sebenar **kejayaan**. Bukan sekadar angka tetapi keberanian untuk terus bangkit walaupun diuji. Kita terlalu lama **mengukur kejayaan** hanya melalui **bilangan A** tetapi kita jarang bertanya berapa ramai yang kita tinggalkan di belakang.
13. Sebab di sebalik setiap keputusan, ada ceritanya dan ada **perjuangan** yang kita tak nampak.
14. Sebab itu saya percaya, pendidikan bukan sekadar tentang lulus peperiksaan. Ia tentang membuka jalan hidup.
15. Ia tentang memastikan seorang anak tidak terperangkap dalam batasan yang bukan mereka pilih.

16. Sistem yang adil bukan sistem yang melayan semua orang sama tetapi sistem yang memastikan tiada siapa tercicir walaupun mereka bermula jauh di belakang.
17. **Program Tuition Mission Putrajaya** ini wujud kerana realiti ini. Kerana kita tahu, tidak semua pelajar mempunyai kelebihan yang sama.
18. Ada yang berdepan cabaran keluarga, ada yang berdepan kekangan kewangan dan ada juga yang diuji dengan keadaan kesihatan seperti Aisy Wafiy.
19. Dan sebab itu, program ini bukan sekadar kelas tambahan. Bagi saya, ini ruang untuk anak-anak ini bangkit semula dan melangkah lebih jauh.
20. Dan ini bukan sekadar harapan. Kita sudah lihat hasilnya.
21. Pada tahun lalu, program ini mencatat **161** gred **cemerlang**, meningkat daripada **138** pada **tahun sebelumnya** peningkatan sekitar **23%**. Kadar **kelulusan** juga meningkat kepada **75% berbanding 66.7%** sebelumnya.
22. Malah, semua pelajar yang mengikuti program ini berjaya lulus dengan ada yang memperoleh **9A** dan **8A**. Tetapi bagi saya, angka-angka ini bukan sekadar statistik.
23. Ini bermakna lebih ramai anak berjaya mengubah masa depan mereka. Lebih ramai keluarga mendapat peluang kedua. Kepada para pelajar, peluang seperti ini tidak datang selalu. Gunakan sebaiknya.

24. **Berusaha, berdisiplin dan percaya** bahawa anda mampu berjaya.
25. Jangan hadkan diri kepada apa yang orang lain fikir anda mampu.
26. Kepada **ibu bapa dan guru-guru**, sokongan anda adalah **kekuatan** kepada anak-anak ini. Dan kepada ibu bapa seperti **bapa Aisy Wafiy, pengorbanan dan doa** anda adalah kekuatan yang tidak ternilai.
27. Kadang-kadang, kerana satu dorongan kecil boleh menjadi sebab seorang anak terus bertahan.
28. Saudara dan saudari, jika kita serius tentang masa depan negara, kita tidak boleh hanya meraikan yang sudah berjaya tetapi kita juga mesti melabur pada mereka yang masih berjuang.
29. Apa yang kita mulakan hari ini mungkin kelihatan kecil. Tetapi bagi seorang pelajar, ini boleh menjadi titik perubahan hidup.
30. Dan apabila kita lakukan ini secara konsisten, kita bukan sekadar membantu seorang pelajar lulus SPM malah kita sedang membina masa depan negara.
31. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **Program Tuition Mission Putrajaya 2026**.

Sekian, Terima Kasih.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Analisis Keputusan **SPM 2025** (WP Putrajaya):

1. Kelayakan Sijil

- a) **Kadar Kelayakan:** (Meningkat daripada **99.07%** pada 2024).
- b) **Jumlah Calon:** **2,317** orang (Pertambahan seramai **294** calon).

2. Kualiti Pencapaian (Gred A)

- c) **Semua A+: 9 calon** (0.39%), meningkat seramai **2 orang** berbanding 2024.
- d) **Semua A (A+, A, A-): 195 calon** (8.35%), meningkat seramai **27 orang** berbanding **168 calon** pada 2024.

3. Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK)

- e) **Kelayakan Sijil:** 88% (22 daripada 25 calon).
- f) **Kecemerlangan (3A ke atas):**
 - 2 calon Kurang Upaya Fizikal.
 - 9 calon Masalah Pembelajaran.
- g) **CBPK Terbaik: Hanif Zakwan bin Mohd Abd Rahman** (SMKPP 11(1)) dengan keputusan **4[A], 4[A-]**.

4. Gred Purata Negeri (GPN)

- m) **Keputusan 2025: 3.31** (Pencapaian terbaik sejak 2021).
- n) **Peningkatan Kualiti:** Mengecil sebanyak **0.13 mata** berbanding **3.44** pada 2024.
- o) **Trend 5 Tahun:** Penambahbaikan konsisten daripada **3.60** (2021) kepada **3.31** (2025).